

# KOSMO – 17 USAHAWAN FELDA BILUT TERIMA GERAN RM250,000

15 September 2020

<b>Kategori</b>	: Kejayaan Staff	<b>Sub-Kategori</b>	: Keusahawanan
<b>Peringkat</b>	: Kebangsaan	<b>Bahagian</b>	: ICAEN
<b>Pelapor</b>	:		
<b>Tempat</b>	: Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam, Selangor.		
<b>Penganjur</b>	: CIMB Islamic Bank Bhd		
<b>Penglibatan/Kerjasama</b>	: Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA), CIMB Islamic Banking Bhd dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda)		

**Keterangan Program** : Program keusahawanan Felda Bilut-CIMB (BiCEP) yang dikendalikan oleh Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA) bertujuan memberi pendedahan kepada usahawan daripada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) untuk menjalankan perniagaan secara formal. CIMB Bank Islamic, Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA) Uitm dan Felda telah menyampaikan 17 geran keusahawanan bernilai RM250,000 kepada peserta yang terpilih ke peringkat akhir program. BiCEP juga adalah penyelesaian bagi masalah capaian kepada institusi kewangan untuk mendapatkan modal apabila CIMB Islamic menawarkan untuk membiayai program ini melalui pelaksanaan tanggungjawab social korporat mereka. Majlis Penyerahan Geran Peserta BiCEP disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Islamic Banking, Ahmad Shahrman Mohd Shariff, turut serta hadir, Naib Canselor UiTM, Prof Emeritus Datuk Dr. Mohd Azraai Kasim, Pengarah Urusan Felda, Datuk Dr Othman Omar, Dekan FKA, Profesor Dr. Zakiah Ahmad dan Datuk Bandaraya Ipoh, Datuk Rumaizi Baharin.

**Pencapaian** : -

The image shows a WhatsApp chat interface. The message is from 'kosmo.com.my' and contains a news article from Kosmo! titled '17 usahawan Felda Bilut terima geran RM250, 000'. The article text is as follows:

**17 usahawan Felda Bilut terima geran RM250, 000**

Oleh KOSMO! 15 September 2020, 7:20 pm

Oleh MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS

SHAH ALAM – Seramai 17 usahawan daripada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) Bilut, Pahang mendapat geran sebanyak RM250, 000 melalui Program Keusahawanan Felda BILUT-CIMB (BICEP).

Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof. Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim berkata, program itu dijalankan bagi mengajar usahawan daripada Felda menjalankan perniagaan secara formal.

“Modul yang dibangunkan oleh pihak UiTM dalam program ini telah direka supaya sesuai digunakan oleh usahawan Felda Bilut.

“CIMB Islamic telah menawarkan diri untuk membiayai program ini melalui pelaksanaan tanggungjawab sosial korporatnya,” katanya pada sidang akhbar dalam program penyerahan geran peserta BICEP di hotel Grand Blue Wave di sini, hari